



Penggunaan Pendekatan Didik Hibur dalam Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Harian di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua

Nik Nur Azizah Nik Halman¹, Hafis Simin², Ramle Abdullah³, Sahar Sa'di Hashim⁴
^{1, 2, 3} Universiti Sultan Zainal Abidin, ⁴Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan

Article Info

Received:

14 September 2019

Accepted:

25 September 2019

Publish

01 September 2020

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Fenomena keciciran pendidikan dalam kalangan murid-murid Orang Asli telah berlaku sejak sekian lama. Meskipun terdapat pelbagai usaha yang telah diambil oleh pihak kerajaan dan sekolah, pencapaian mereka dalam pendidikan masih berada pada tahap yang rendah. Justeru, pendekatan didik hibur yang berkonsepkan belajar sambil berhibur telah dilaksanakan oleh guru-guru di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua sebagai satu alternatif dalam memperkasa minat murid Orang Asli dalam pendidikan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk melihat dengan lebih mendalam lagi mengenai cara penggunaan pendekatan didik hibur dalam aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) harian di sekolah tersebut. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah kajian secara kualitatif. Semasa menjalankan kerja lapangan, data telah dikumpulkan melalui pemerhatian, pemerhatian ikut serta dan temubual. Melalui pemerhatian dan pemerhatian ikut serta, pengkaji telah berpeluang untuk menyertai aktiviti PdP dalam kelas bersama-sama murid-murid dan guru-guru. Untuk teknik temubual pula, pengkaji telah memilih lima orang guru dan tiga orang murid Orang Asli sebagai informan. Data yang terkumpul dianalisis menggunakan perisian QSR NVivo 8 yang melibatkan proses transkrip, organisasi data, pelaziman (membiasakan diri dengan data), koding dan tema. Hasil kajian ini mendapati dua metod didik hibur yang sering diaplikasikan di sekolah tersebut ialah didik hibur secara permainan dan nyanyian. Manakala didik hibur dalam bentuk puisi, lakonan dan bercerita tidak dapat dilaksanakan kerana tidak bersesuaian dengan tahap pemahaman murid-murid Orang Asli di sekolah tersebut. Meskipun terdapat modul-modul pendidikan yang telah disediakan oleh kerajaan untuk murid-murid Orang Asli, guru-guru telah mengolah modul tersebut ke dalam bentuk didik hibur. Kesimpulannya, didik hibur merupakan satu transformasi dalam P&P yang dapat memberikan kegembiraan dan keseronokan kepada murid-murid. Oleh itu, semua pihak harus memberikan kerjasama dalam menjayakan pendekatan didik hibur bagi murid-murid Orang Asli.

Kata kunci: Didik Hibur, Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Sekolah Kebangsaan Sungai Berua

Pengenalan


Di Malaysia, bidang pendidikan dititikberatkan agar kemajuan yang diinginkan dapat dicapai selari dengan negara maju yang lain. Kejayaan dalam sistem pendidikan sesebuah negara dikaitkan dengan kecemerlangan kepimpinan di sesebuah institusi pengajian bermula dari peringkat bawah hingga peringkat yang lebih tinggi (Abdul Ghani, 2005). Melalui pendidikan, manusia mampu mengecapi tamadun kehidupan yang lebih tinggi dan menikmati proses kehidupan yang lebih sistematik (Norazri, 2015). Kerajaan Malaysia mensasarkan peratusan yang tinggi terhadap pencapaian dalam pendidikan, bukan sahaja kepada masyarakat arus perdana, tetapi juga pada masyarakat Orang Asli (JAKOA, 2015).

Masyarakat Orang Asli sebagai kaum pribumi pada umumnya masih ketinggalan dalam arus pembangunan lantaran mereka tinggal di kawasan pedalaman yang terasing daripada kawasan moden. Di negeri Terengganu khususnya, mereka agak ketinggalan dalam mendapatkan perkhidmatan yang sempurna terutama dalam bidang pendidikan (Mohd Hasril & Norasmah, 2010). Golongan Orang Asli dewasa juga mempunyai tanggapan negatif tentang pendidikan. Mereka berpendapat bahawa tiada faedah untuk menghantar anak-anak ke sekolah kerana ia hanyalah tempat untuk bermain dan makan (Mohamad Johdi et al., 2009). Terdapat juga golongan Orang Asli dewasa yang berpandangan sinis terhadap peranan kuasa pendidikan yang mampu mengubah mobiliti sosial mereka serta keberatan dalam menerima kenyataan bahawa pendidikan mampu meningkatkan taraf kehidupan mereka (Hasan Mat Nor, 1998). Oleh hal yang demikian, sehingga hari ini kita masih dapat lihat taraf pendidikan masyarakat Orang Asli masih berada pada tahap yang amat rendah termasuk di negeri Terengganu.

Kajian Literatur

Pada hari ini, masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Berua juga masih terus dibelenggu oleh masalah keciciran yang serius dalam pendidikan. Anak-anak mereka masih belum mencapai tahap yang membanggakan dan mentaliti mereka masih berada pada takuk lama (Abdul Razaq & Zalizan, 2009). Masyarakat arus perdana sudah bergerak maju ke hadapan dan meneroka perkara-perkara baru dalam pendidikan. Namun begitu, masyarakat Orang Asli Sungai Berua masih lagi terbeban dengan masalah keciciran pendidikan yang tidak berkesudahan. Menurut Doris et al. (2012), dan Mazdi (2014), masyarakat Orang Asli yang tinggal di kawasan pedalaman mengalami keciciran yang lebih tinggi dalam setiap tahap pendidikan bermula daripada peringkat prasekolah hinggalah ke peringkat yang lebih tinggi. Masalah keciciran pendidikan ini juga telah menyebabkan masyarakat Orang Asli turut ketinggalan dari segi ekonomi, politik mahupun sosial (Wan Afizi et al., 2014). Pelbagai masalah dihadapi dalam memajukan sistem pendidikan mereka (Mazdi et al., 2014).

Pencapaian akademik dalam kalangan murid Orang Asli di SK Sungai Berua juga masih rendah. Sebagai contoh, pencapaian mereka dalam UPSR masih berada pada tahap yang amat membimbangkan. Pada tahun 2015 dan 2016, tiada calon yang berjaya memperoleh gred A dan B dalam mana-mana mata pelajaran. Keputusan UPSR pada tahun 2017 dilihat lebih kritikal apabila tiada calon yang mampu memperolehi gred A, B dan C dalam mana-mana mata pelajaran.



Oleh itu, pendekatan didik hibur yang berkonsepkan pembelajaran menyeronokkan telah diperkenalkan di sekolah-sekolah seluruh Malaysia pada tahun 2011 (KPM, 2012). Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mencadangkan penyerapan teknik didik hibur dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Peranan bagi meningkatkan kualiti PdP amat memerlukan pendekatan yang lebih segar dan praktikal untuk menarik minat murid (Nur Bahiyah et al., 2013). Dari aspek penggunaan elemen didik hibur, aktiviti-aktiviti seperti nyanyian, bercerita, lakonan, permainan dan penggunaan bahan sebagai media pengajaran didapati telah membantu guru-guru dalam proses PdP (Mahzan, 2012). Di SK Sungai Berua, terdapat guru-guru yang telah mula mempraktikkan pendekatan didik hibur dalam aktiviti PdP harian bagi membantu meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah tersebut.

Metodologi

Kajian ini melibatkan pelbagai jenis data primer dan sekunder. Bagi mendapatkan data primer, pelbagai metod telah digunakan termasuklah pemerhatian, pemerhatian turut serta, temubual dan sesi *Focus Group Discussion* (FGD). Pemerhatian dilakukan untuk melakukan tinjauan tentang budaya pembelajaran seharian murid-murid Orang Asli bersama guru, kemudahan yang disediakan di sekolah dan respon murid-murid terhadap proses pembelajaran dalam bilik darjah. Dengan menjalankan metod-metod tersebut, pengkaji dapat mengetahui dengan lebih terperinci dan mendalam lagi mengenai ragam dan budaya pembelajaran murid-murid di dalam kelas dan permasalahan yang dihadapi oleh guru-guru dalam PdP melaksanakan teknik didik hibur.

Dengan merujuk kepada sumber-sumber sekunder seperti maklumat pencapaian akademik murid-murid yang diperolehi daripada Pejabat Pentadbiran sekolah, ia menjadi asas kepada kajian ini kerana gejala keciciran di sekolah dapat dilihat dengan lebih jelas dan tujuan kajian ini menjadi lebih rasional. Selain itu, maklumat yang diperolehi daripada buku, internet serta pembacaan jurnal lepas membolehkan pengkaji mengumpul maklumat-maklumat tentang tahap pendidikan masyarakat Orang Asli di Malaysia beserta perkembangan pendekatan didik hibur dari semasa ke semasa. Maklumat-maklumat ini sangat membantu dan memudahkan kerja lapangan semasa berjumpa responden, iaitu pengkaji dapat melihat dengan jelas tentang perkara yang ingin ditanya.

Hasil Kajian & Perbincangan

Penggunaan Pendekatan Didik Hibur dalam Aktiviti PdP

Terdapat dua jenis pendekatan didik hibur yang digunakan di SK Sungai Berua iaitu didik hibur permainan dan didik hibur nyanyian. Manakala didik hibur secara bercerita, puisi dan lakonan tidak dapat digunakan ekoran daripada daya pemahaman murid yang rendah di sekolah tersebut.

(a) Didik Hibur Permainan

Didik hibur secara permainan sering digunakan oleh guru-guru di SK Sungai Berua dalam usaha untuk membantu meningkatkan literasi dan numerasi dalam kalangan murid-murid. Didik hibur secara permainan dianggap sangat berkesan untuk mengembangkan lagi setiap aktiviti yang telah dicadangkan dalam modul-modul yang telah disediakan oleh KPM. Didik hibur secara permainan mendatangkan keseronokan ketika sesi PdP bersama guru kerana murid-murid dapat belajar dan pada masa yang sama, mereka dapat berhibur. Didik hibur secara permainan juga diyakini dapat mencetuskan minat murid-murid Orang Asli dalam pendidikan di samping membantu mereka untuk fokus lebih lama dalam kelas.

Antara didik hiburan permainan yang diaplikasikan oleh guru-guru dalam pengajaran literasi adalah dengan mengadakan 'pertandingan memancing ikan' berkonsepkan literasi. Pihak sekolah telah menyediakan beberapa set alat permainan memancing ikan yang dicipta khusus untuk mengajar murid-murid mengenal huruf dan membantu mereka menyebut suku kata. Terdapat pelbagai huruf dan suku kata yang dilekatkan di ikan-ikan tersebut. Apabila seseorang murid berjaya mengail ikan, dia akan menunjukkan ikan tersebut kepada rakan-rakan sekelas dan mereka akan mengeja suku kata tersebut beramai-ramai. Hal ini mendatangkan keseronokan kepada mereka kerana mereka menganggap mereka sedang bermain, tetapi dalam masa yang sama mereka sedang belajar mengeja dan mengingat beberapa suku kata yang baru.

Selain itu, guru-guru turut menjalankan aktiviti permainan kad huruf bersama murid-murid. Mereka akan membuat beberapa set kad yang mengandungi pelbagai huruf dan suku kata untuk kegunaan dalam kelas literasi bagi murid-murid yang masih belum pandai membaca. Dalam aktiviti ini, murid-murid akan memilih kad secara rawak dan mereka akan menunjukkan kad yang telah dipilih kepada kawan-kawan. Mereka akan mengembangkan huruf atau suku kata yang telah dipilih bersama guru dan kawan-kawan. Pada waktu ini, mereka bersedia untuk menerima pelajaran dan pengetahuan baru dengan cara yang sangat santai tetapi amat berkesan. Mereka mula berimajinasi dan meneroka huruf dan suku kata yang telah dipilih untuk membentuk satu perkataan. Apabila mereka telah dapat mengeja perkataan yang telah dihasilkan, maka mereka telah bersedia untuk membentuk sebuah ayat.

Terdapat juga aktiviti bermain belon sambil mengira. Murid-murid dikehendaki mengira jumlah belon yang diperolehi dan meniup belon tersebut sehingga pecah. Dengan ini, di samping mereka mendapat keseronokan dengan bermain belon, mereka juga dapat bergembira apabila membuat kiraan secara beramai-ramai. Lazimnya mereka malu dan menjadi pasif apabila diarahkan membuat sesuatu tugas secara individu, tetapi kini mereka dapat bergembira bersama rakan-rakan sambil mengulang kaji mata pelajaran yang telah diajarkan di dalam kelas. Selain daripada aktiviti bermain belon, didik hiburan juga dilakukan dengan melakukan aktiviti bermain sambil mengira gula-gula di dalam tepung. Murid-murid dikehendaki mencari gula-gula dengan cara meniup tepung di dalam pinggan. Kemudian, mereka akan membuat kiraan jumlah gula-gula yang telah diperolehi. Kumpulan yang dapat mengumpul gula-gula paling banyak akan dinobatkan sebagai juara dan mereka akan diberikan hadiah. Tanpa disedari, kanak-kanak tersebut bukan sahaja telah melakukan riadah secara sihat, bahkan minat mereka terhadap subjek Matematik juga telah berjaya dipupuk melalui aktiviti didik hiburan permainan.



(b) Didik Hibur Nyanyian dan Muzik

Selain daripada didik hibur secara permainan, didik hibur secara nyanyian dan muzik juga digunapakai di SK Sungai Berua. Guru-guru merasakan teknik ini berkesan untuk menimbulkan keseronokan dalam diri murid-murid semasa belajar. Di sekolah arus perdana, teknik didik hibur ini telah menjadi kebiasaan yang digunakan dalam proses PdP bersama murid-murid. Dalam sesebuah lagu didik hibur, muzik dan lirik adalah penting kerana pemilihan lagu-lagu yang bersesuaian mampu menarik minat murid-murid untuk mengikuti sesuatu sesi pembelajaran.

Di SK Sungai Berua, terdapat guru yang menggunakan teknik didik hibur dalam bentuk nyanyian untuk membantu meningkatkan minat murid-murid bagi mengikuti sesi PdP dalam kelas. Mereka membawa pelbagai alat bantu mengajar seperti radio, kaset dan alat muzik untuk menarik perhatian murid-murid bagi menguasai sesebuah silibus pelajaran dengan cara yang santai lagi menghiburkan. Guru-guru mendapati bahawa murid-murid amat menyukai pendekatan PdP sebegini dan mereka cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti didik hibur yang dilakukan oleh guru-guru mereka.



Kesimpulan

Didik hibur dilihat sebagai sebuah pendekatan yang telah berjaya menarik minat murid-murid Orang Asli untuk melibatkan diri mereka dalam proses PdP di SK Sungai Berua. Elemen hiburan yang terkandung dalam aktiviti didik hibur dapat membantu murid-murid untuk kekal fokus lebih lama di dalam kelas. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai penambahbaikan yang boleh diambil bagi memperkasa pendekatan ini agar ia dapat digunakan dengan lebih meluas dari semasa ke semasa. Pihak sekolah harus berkejasama dengan KPM untuk menvariasikan lagi penggunaan didik hibur. Sebagai contoh, guru boleh membuat inovasi terhadap lagu kanak-kanak atau lagu rakyat yang biasa didengar oleh murid-murid Orang Asli dengan cara mengubah liriknya kepada sukatan yang ingin diajar mengikut kesesuaian. Selain itu, guru-guru juga harus berusaha untuk menggunakan didik hibur melalui penceritaan, lakonan dan puisi. Penyelesaian proaktif yang telah membataskan penggunaan didik hibur harus diatasi dengan segera bagi mengelakkan murid-murid Orang Asli ketinggalan lebih jauh lagi.

Pengakuan

Kajian ini telah disumbangkan oleh Fundamental Research Grant Scheme (FRGS) 'Membentuk Model Pemeraksanaan Pendidikan Masyarakat Orang Asli di Malaysia'. Nombor rujukan FRGS/1/2017/SSI09/UNISZA/01/1 Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.

Rujukan

- Abdul Ghani Abdullah. (2005). Kepimpinan Transformasi Pengetua Dan Penggantian Kepimpinan Sebagai Penentu Komitmen Terhadap Organisasi Dan Perlakuan Warga Organisasi Pendidikan. *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, 20, 53–68.
- Norazri Mohd Zaidin. (2015). Penerapan Nilai-nilai Murni dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran ke Arah Pembentukan Sahsiah Pelajar di Kolej Kemahiran Tinggi Mara (Masters Dissertation). Universiti Tun Hussein Onn.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). (2015). Laporan Tahunan Jabatan Kemajuan Orang Asli Kelantan Terengganu. Kuala Lumpur. Jabatan Kemajuan Orang Asli.
- Mohd Hasril Amiruddin, & Norasmah Othman. (2010). Meninjau Keperluan Pendidikan Keusahawanan Berdasarkan kepada Perspektif Belia Orang Asli di Selatan Malaysia. *2nd World Congress on Teacher Education for TVET*, 99–116.
- Mohamad Johdi Bin Salleh, & Abdul Razak Ahmad. (2009). Kesedaran Pendidikan dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli. *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan Dan Sosiobudaya.*, 47–58.
- Hasan Mat Nor. (1998). Warga Pribumi Menghadapi Cabaran Pembangunan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Abdul Razaq Ahmad & Zalizan Mohd Jelas. (2009). *Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan Pendidikan dan Sosiologi*. Bangi . Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Doris Padmini Selvaratnam, Abdul Hamid Jaafar, Norlida Hanim Mohd Salleh, Redzuan Othman. Siti Hajar Idris. 2012. Transformasi Modal Insan Melalui Peningkatan Pendidikan: Kajian Kes Komuniti Orang Asli di Cameron Highlands, Pahang. *Prosiding PERKEM vii, jilid 2*, pp. 1212-1224.
- Mazdi, M., Jabil, M., & Rosmiza, M. Z. (2014). Mengupas Keciciran Pelajar Orang Asli Malaysia: Suatu Tinjauan ke dalam Isu Aksesibiliti Sekolah. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10(2), 189–198.
- Wan Afizi Wan Hanafi, Shaharuddin Ahmad & Noraziah Ali. (2014). Faktor Budaya dan Persekitaran dalam Prestasi Pendidikan Anak Orang Asli di Malaysia: Kajian Kes di Kelantan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 10(5), 107-122.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Malaysia: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Nur Bahiyah, A. W., Maryati, M., Azman, H., & Mohd. Najib, H. (2013). Penerapan Elemen Sekolah Rimba Malaysia dalam Kalangan Murid Orang Asli. *2nd International Seminar on Quality and Affordable Education (ISQAE)*, (Isqae), 424–432.
- Mahzan Arshad. (2012). *Pendidikan Literasi Awal Kanak-kanak. Teori dan Amali*. Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.